

Ada bukti kukuh KMM rancang jatuhkan kerajaan — PM

UM 25 JAN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Kerajaan mempunyai bukti kukuh bahawa kumpulan militan KMM merancang menjatuhkan kerajaan secara kekerasan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malah, kata beliau, kumpulan tersebut juga didapati mempunyai hubungan dengan penganas peringkat antarabangsa.

“Kita mempunyai bukti yang cukup tentang penglibatan mereka dalam keganasan dan rancangan mereka dengan penganas antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sehingga 18 Januari lalu, polis menahan 22 orang dipercayai anggota sayap kedua KMM di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Tangkapan dilakukan di beberapa tempat termasuk di sekitar ibu negara, Selangor dan Melaka.

Pihak berkuasa Singapura pada 9 hingga 24 Disember lalu turut menahan 13 orang yang dipercayai ahli Jemaah Islamiah dan sebahagiannya dikatakan mendapat latihan di kem Al-Qaeda di Afghanistan.

Kesemua yang ditahan di bawah ISA itu dikatakan mempunyai hubungan dengan KMM.

Dr. Mahathir berkata, anggota kumpulan tersebut merancang melakukan keganasan menjatuhkan kerajaan sedia ada kerana tidak yakin kepada sistem demokrasi.

“Mereka memang bertujuan menggunakan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan,” katanya.

Ditanya sebab anggota kumpulan terbabit tidak dihadapkan ke mahkamah, beliau menjelaskan: “Kita mempunyai undang-undang pencegahan. Undang-undang yang menghalang sesuatu jenayah dilakukan.”

Di bawah undang-undang tersebut, katanya, kerajaan berhak menahan sesiapa tanpa menghadapkannya ke mahkamah.

Setakat ini, menurut beliau, belum ada kes yang membabitkan anggota KMM dibawa ke mahkamah kerana melakukan jenayah.

“Kalau ada bukti mereka melakukan jenayah, kita akan ambil tindakan,” tegasnya.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan masih meneruskan siasatan terhadap kegiatan kumpulan berkenaan walaupun berjaya menegesan ramai yang terbabit dalam kegiatan itu sehingga kini.

“Kita masih menyiasat kegiatan mereka dan akan mengambil tindakan sewajarnya,” jelasnya.